

# EKSES AIS MINI PARADISE SIRI 4 MENCAPAI OBJEKTIF DITETAPKAN

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2709-eksesais-mini-paradise-siri-4-mencapai-objektif-ditetapkan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2709-eksesais-mini-paradise-siri-4-mencapai-objektif-ditetapkan)

LABUAN, 25 Nov 17 - Eksesais Mini PARADISE 4/17 TUDM di Pangkalan Udara Labuan berjaya mencapai objektif latihan yang ditetapkan. Panglima Operasi Udara, Lt Jeneral Dato' Sri Abdul Mutalib bin Ab Wahab TUDM berkata eksesais yang berlangsung selama 13 hari iaitu bermula 14 Nov hingga 25 Nov 2017 itu telah dilaksanakan secara latihan medan di peringkat taktikal dan dijalankan secara langsung bersama Eksesais Gempur IX anjuran Tentera Darat Malaysia (TDM) di mana 3 buah pesawat C-130 milik TUDM membantu Latihan 'Mass Drop Paratroopers'.

Panglima Operasi berkata misi utama Eksesais PARADISE adalah untuk melakukan latihan pelaksanaan Operasi Udara di Wilayah 2 (Sabah dan Sarawak) melibatkan hampir 300 anggota keseluruhannya.

Meskipun ada kekangan kewangan, eksesais seperti ini tidak akan dihentikan dan tiada kompromi, ia akan diteruskan. TUDM akan perbaiki kelemahan untuk pastikan eksesais ini bertambah baik.

Objektif yang ditetapkan dalam eksesais itu antaranya meningkatkan tahap saling kendali dalam menjalankan Large Force Employment (LFE), menilai kesediaan pertempuran, kemahiran dan kecekapan TUDM serta menyokong Eksesais Gempur TDM.

Aset TUDM yang terlibat dalam menjayakan eksesais itu ialah pesawat pejuang F/A-18D, pesawat pejuang SU-30MKM, pesawat pejuang Hawks, pesawat pengangkut A400M, C130H, pesawat KC130, pesawat pengangkut CN235, pesawat helikopter S61A dan pesawat helikopter EC725 AP.

Elemen lain yang turut menjayakan pelaksanaan eksesais itu adalah pasukan khas udara (PASKAU), 10 Briged Para dan Sqn 401 GBAD.



